

TARIKH	31 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	5	RUANGAN	News

# Tabung Haji rai anak PKAYIK berbuka

**Kluang:** Seramai 65 penghuni rumah Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Kluang (PKAYIK) diraikan pada majlis berbuka puasa anjuran Tabung Haji cawangan Kluang.

Pengurus Tabung Haji daerah, Zainuddin Abd Rahim, berkata program itu juga anjuran bersama penyewa bangunan Tabung Haji di daerah ini sekali gus memberi peluang untuk bersama-sama memberi bantuan kepada anak yatim.

"Program ini julung kali diadakan untuk bersama anak yatim bertujuan menunjukkan bahawa masih ada insan yang menyayangi dan memberi perhatian kepada mereka.

"Menerusi program ini, kita berharap dapat berkongsi kegem-

biraan bersama mereka terutama menjelang sambutan Syawal," katanya.

Zainuddin berkata, sempena program itu pihaknya menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak, selain pelbagai sumbangan sampingan lain.

Yang Dipertua PKAYIK, Datuk Ghapar Gurrohu, berkata seramai 30 pelajar lelaki dan 35 perempuan ditempatkan di asrama pertubuhan berkenaan.

"Pada masa ini, kira-kira 500 orang anak yatim di daerah ini masih tinggal bersama saudara atau keluarga masing-masing dan mereka ini juga sentiasa mendapat perhatian PKAYIK supaya turut mendapat bantuan," katanya.



Zainuddin (kanan) menyampaikan **sumbangan** serta duit raya kepada anak yatim PKAYIK pada majlis berbuka puasa anjuran Tabung Haji di Asrama PKAYIK. (DAM. 001) (DQTO, ADNAN) (BRAHIM/BH)